

# Dr M ajak rakyat tolak kumpulan guna kekerasan

BH 3 AUG 2001

KUALA LUMPUR, Khamis – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak rakyat majoriti supaya menolak kumpulan kecil yang bersikap tidak bertolak ansur dan ingin menggunakan kekerasan untuk merampas semua kuasa.

Perdana Menteri berharap majoriti rakyat akan terus berpegang kepada sikap tolak ansur dan menolak segala bentuk pelampau dalam sebarang kegiatan politik.

“Mereka yang tidak toleran, yang ingin menghapuskan sikap toleran jika mereka berkuasa, tidak boleh diberi layanan yang toleran. Mereka mesti dihalang walaupun tuduhan akan dibuat bahawa kita tidak toleran.

“Justeru, kita tidak boleh bersikap toleran kepada puak yang jelas tidak toleran ini. Toleransi adalah untuk mereka yang toleran sahaja,” katanya dalam ucaptamanya bertajuk “Menanda Aras Toleransi” pada Dialog Perdana Institut Kefahaman

Islam Malaysia (IKIM) di sini, hari ini.

Ucapan itu disiarkan secara langsung menerusi Radio IKIM, yang dilancarkan Perdana Menteri 6 Julai lalu.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, setakat ini kegiatan kumpulan kecil itu dapat dibendung dan dipatahkan dan menambah bahawa pihak yang toleran di negara ini masih menjadi majoriti serta terus berkuasa.

Beliau berkata, negara aman dan berjaya tetapi hanya yang peka dan buta serta buta hati saja yang akan menolak kebenaran itu.

Beliau berkata, Malaysia berjaya kerana majoriti rakyat pelbagai kaum dan agama sedar akan nikmat keamanan serta kestabilan, dan mereka sedar hanya sikap tolak ansur yang boleh membawa nikmat kepada mereka.

“Di Malaysia, kita percaya tidak mungkin semua kaum berpuas hati dengan keadaan mereka.

Mereka sedar tidak semua tuntutan mereka akan dipenuhi. Untuk tidak menidakkan hak kaum lain, setiap kaum perlu mengorbankan sedikit kepentingan mereka.

“Dengan pengorbanan ini, mereka akan menikmati sebahagian daripada nikmat dan kekayaan negara bertuah ini. Sebaliknya, jika setiap kaum menuntut semua yang dianggap oleh mereka sebagai hak mereka, perebutan akan memusnah dan menghancurkan negara. Akhirnya, tiada siapa pun yang akan mendapat apa-apa bagi diri mereka,” katanya.

Perdana Menteri menjelaskan, falsafah majoriti rakyat Malaysia ialah “mendapat sebahagian yang bermakna daripada kekayaan negara adalah lebih baik daripada mendapat semua daripada kemiskinan negara”.

Sebenarnya kata beliau, sikap tolak ansur hanya wujud jika kepentingan diri terselamat atau ia mengun-

tungkan diri sendiri.

Katanya, mereka yang mendakwa mereka menjunjung sikap tolak ansur kerana ia adalah sikap yang mulia dan bertamadun, adalah dakwaan munafik atau hipokrit.

“Oleh itu, janganlah sesiapa cuba berhidung tinggi kerana kononnya mereka mendukung dan memperjuangkan toleransi sesama manusia. Mereka juga dalam keadaan tertentu tetap akan mengetepikan sikap toleran demi kepentingan diri mereka,” katanya.

Dr Mahathir juga berkata, semua negara di dunia ini akan mempunyai rakyat berbilang kaum yang datang dari semua pelosok dunia pada masa depan.

Katanya, pergerakan masyarakat manusia yang begitu tinggi sekarang dengan kemudahan perhubungan seperti perkapalan dan penerbangan akan menyebabkan sempadan negara semakin sukar dikawal.